



مجالس ساكاينه نساي برم

Borang ini dijual
dengan harga

RM 5.00

NOMBOR BORANG

BORANG PERMIT BERNIAGA EKSPO RAYA 2023
STADIUM SUNGAI BESAR

SYARAT & PERATURAN PERMOHONAN

1. Borang permohonan boleh didapati bermula **SELASA 24 JANUARI 2023**. Pemohon mestilah **warganegara Malaysia** berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan & tiada penyakit berjangkit. **Salinan kad pengenalan dan SSM (untuk permohonan tapak 20'x20')** hendaklah disertakan. Borang hendaklah diisi lengkap dengan maklumat yang benar.
2. Seorang pemohon adalah untuk satu tapak sahaja. **Cagaran pematuhan syarat RM1,000 (khemah besar) atau RM300 (khemah kecil)** dikenakan ke atas setiap permohonan & hendaklah dijelaskan semasa **pengembalian borang tidak lewat JUMAAT 10 FEBRUARI 2023**.
3. Fi permit adalah berbeza mengikut lokasi iaitu **Premium** (RM3,500 khemah besar, RM875 khemah kecil); **Deluxe** (RM3,000 khemah besar, RM750 khemah kecil) & **Standard** (RM2,500 khemah besar; RM625 khemah kecil).
4. Penentuan tapak dibuat secara cabutan nama dan diikuti dengan cabutan nombor petak. Untuk penentuan tapak niaga, sila hadir ke DEWAN SERI BERNAM pada jam 9.30 pagi * **RABU 1/3/2023** (TAPAK KHEMAH BESAR) & **KHAMIS 2/3/2023** (TAPAK KHEMAH KECIL). **Bayaran fi permit hendaklah dijelaskan pada hari yang sama nombor tapak diperolehi.** Sila bawa wang bayaran yang mencukupi.
5. Permohonan **pemulangan cagaran** boleh dibuat pada hari yang sama bagi pemohon yang gagal mendapat tapak niaga.
6. Tindakan tegas lucut hak cagaran atau pengenaan kompaun boleh diambil kepada peniaga yang menyewakan tapak niaga kepada pihak lain.
(*Tertakluk pindaan - pemohon akan dihubungi oleh MDSB jika terdapat perubahan tarikh)

MAKLUMAT PERMOHONAN

NAMA :

NO. K/P:

NO. TEL:

ALAMAT:

JENIS JUALAN: Gerai Makan Air Balang/Makanan Ringan Pakaian/Aksesori Biskut/Kuih Raya Lain-Lain

PILIHAN TAPAK:	FI PERMIT:	Standard	Deluxe	Premium
20' X 20'	:	RM2,500 <input type="checkbox"/>	RM3,000 <input type="checkbox"/>	RM3,500 <input type="checkbox"/>
10' X 10'	:	RM625 <input type="checkbox"/>	RM750 <input type="checkbox"/>	RM875 <input type="checkbox"/>

PERAKUAN PEMOHON:

Saya dengan ini mengaku akan patuh kepada syarat dan sekatan yang dikenakan oleh MDSB kepada saya dan MDSB berhak mengambil tindakan melucut hak cagaran, membatalkan permit atau mengambil tindakan mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan.

.....
(TANDA TANGAN PEMOHON & TARikh)

UNTUK DIISI DAN DISAHKAN OLEH MDSB

71495	PERMIT EKSPO RAYA	RM
-------	-------------------	----

Nombor Petak Diperolehi	Pengesahan Pemohon	Pengesahan Petugas Kaunter	Tarikh
-------------------------	--------------------	----------------------------	--------

(Salinan Pemohon – sila simpan untuk rujukan)

Nombor Petak Diperolehi	Pengesahan Pemohon	Pengesahan Petugas Kaunter	Tarikh

SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN EKSPO RAYA MDSB

1. Pemegang permit adalah **tertakluk** kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007; Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dari semasa ke semasa;
2. Pemegang permit adalah **dilarang menyewakan** premis / tapak kepada pihak lain. Jika berlaku, pihak MDSB boleh membatal permit dan tindakan kompaun boleh dikenakan kepada pemegang permit.
3. Pengendali makanan adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan **suntikan anti-tifoid** & telah menjalani **kursus pengendalian makanan**;
4. Pengendali makanan diwajibkan memakai **pelitup muka, apron, tudung kepala** dan **kasut** ketika menjalankan perniagaan;
5. Pemegang permit **tidak dibenarkan** menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki;
6. Pemegang permit hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tapak perniagaan. Semua sisa buangan/sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam **beg/karung plastik serta diikat kemas** bagi memudahkan proses pengutipan / pembuangan;
7. Pemegang permit **dilarang** menyebabkan kacau ganggu dalam bentuk asap, bau, haba, pancaran, bunyi dan sebagainya kepada orang ramai dan persekitaran;
8. Pihak berkuasa MDSB berhak **melucut hak cagar** atau **membatalkan** permit ini dan mengambil tindakan di atas kegagalan mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa; dan
9. Aktiviti perniagaan mematuhi syarat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Aktiviti penjualan mercun atau bunga api hendaklah ada permit dari pihak PDRM sebelum permit perniagaan MDSB boleh dikeluarkan.

PERAKUAN TERIMAAN SYARAT

Saya

No K/P dengan ini mengaku telah

menerima syarat- syarat permit perniagaan Ekspo Raya 2023 MDSB pada

.....
Pemegang Permit

.....
Saksi

Tarikh:

Tarikh: